



DAING NASIR IBRAHIM menunjukkan lakaran masjid Universiti Malaysia Pahang berciri lestari dan mesra alam di Kuantan, Pahang, semalam.

UMP bina masjid berciri lestari

UTUSAN MALAYSIA (Dalam Negeri) 22/7/17 (SABTU) M/S-28

KUANTAN 21 Julai - Universiti Malaysia Pahang (UMP) akan membina sebuah masjid bersifat mesra alam dengan aplikasi teknologi hijau pada seni binanya bercorak sirip di atas tanah seluas 3.03 hektar di UMP Kampus Pekan dekat sini.

Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, corak sirip akan mengambil kira arah aliran angin dan ventilasi yang mampu menyejukkan ruang solat berkapasiti 3,500 orang jemaah dengan udara bersih dan segar tanpa menggunakan sistem pendingin hawa.

"Reka bentuk pembangunan menampilkan konsep Islamik yang digabungkan dengan elemen tempatan

manakala rekaan bentuk bumbung bercirikan seni bina tempatan dan bumbung utama adalah daripada jenis aluminium yang menampakkanannya sebagai masjid eksklusif selain bagi mengatasi masalah karat.

"Ciri-ciri vernakular lain termasuklah pengudaraan silang. Masjid ini juga mempunyai elemen seni bina lestari dengan pencahayaan semula jadi," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Daing Nasir berkata, sebanyak RM20 juta diluluskan kerajaan dan warga kerja serta mahasiswa UMP turut mencari dana tambahan bagi pembinaan menara setinggi 45 meter untuk melengkapkan pembinaan masjid berkenaan.